

MB Perak kecewa tindakan diplomat Indonesia

UM 31 MAR 2001

IPOH 30 Mac — Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali kesal kerana diplomat Indonesia turut serta dalam taklimat mengenai keadaan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, semalam.

Sebagai menjaga keharmonian kedua-dua buah negara berjiran, Tajol berharap diplomat Indonesia itu tidak mencampuri urusan dalaman di negara ini seperti Malaysia tidak mencampuri urusan di republik tersebut.

Tajol berkata, beliau tidak hairan jika diplomat Amerika Syarikat (AS) menghadiri taklimat tersebut kerana me-

reka mempunyai agenda tersendiri terhadap Malaysia.

“Kalau Amerika Syarikat biasalah. tetapi kalau betul diplomat Indonesia, saya amat kesal,” katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini berhubung taklimat mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang dihadiri oleh sekumpulan diplomat asing di sebuah hotel, semalam.

Taklimat itu yang diadakan atas inisiatif Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dihadiri oleh dua diplomat dari bahagian politik kedutaan AS sela-

in diplomat dari kedutaan Perancis, Indonesia, Kanada, Australia dan New Zealand.

Tajol berkata, kalau ada pihak yang tidak puas hati dengan tindakan undang-undang terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu, mereka wajar menggunakan saluran undang-undang untuk mencari keadilan untuk Anwar dan bukannya melalui tindakan politik.

Mengenai keadaan kesihatan Anwar, Tajol meminta rakyat negara ini mengambil iktibar daripada tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang memilih untuk menjalani pembedahan jantung di negara ini.